




PROF. Dr. Syed Azizi semasa menyampaikan syarahan.



PROF. Dr. Syed Azizi (kanan) menyerahkan buku Pidato kepada Prof. Datuk Dr. Mohd Harun (kiri).

Kerajaan perlu pilih individu sesuai bidang keusahawanan

NST 30.9.2014 5

KOTA KINABALU: Kerajaan perlu memilih individu yang sesuai untuk menyertai program membangunkan bidang keusahawanan, kata Pensyarah Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Dr. Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa.

Menurutnya, pemilihan individu terutama kaum bumiputera dalam apa jua program keusahawanan perlu diberi sukatan mengikut beberapa elemen bagi memberi keberkesanan program-program yang disediakan oleh kerajaan.

“Dengan membuat sukatan terlebih dahulu, kerajaan tidak akan rugi membelanjakan wang ke atas individu-individu yang tidak sesuai dalam apa jua program keusahawanan.

“Cari dan pilih individu yang mahu menanggung risiko dan mempunyai keing-

inan mencapai kejayaan yang tinggi dalam bidang perniagaan,” katanya ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan Syarahan Perdana Profesor yang bertajuk “Gaya Pengurusan Pengurus Malaysia: Perspektif Silang Budaya” di Dewan Resital UMS, pagi kelmarin.

Dr. Syed Azizi berkata terdapat perbezaan antara pengurus kaum bumiputera dan kaum bukan bumiputera yang mana pengurus kaum bukan bumiputera lebih berjaya kerana asas pada budaya yang berlainan.

Menurut beliau, mengikut kajian yang telah dibuat, budaya kaum bumiputera yang bersifat kolektif bukan bersifat individualisme menyebabkan risiko perniagaan yang dihadapi mereka adalah terhad.

Katanya, ini kerana kaum bumiputera biasanya berada dalam satu kumpulan dan

ini menyebabkan mereka takut untuk mengambil risiko.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata Majlis Syarahan Perdana Profesor merupakan sebuah budaya akademik yang diamalkan oleh mana-mana institusi.

Menurut beliau, budaya akademik ini mengemukakan profesor-profesor untuk membuat syarahan dalam bidang mereka masing-masing.

“UMS akan menjadikan budaya akademik ini sebagai amalan maka dapat berkongsi ilmu dan maklumat bersama profesor-profesor UMS dari semasa ke semasa,” kata beliau.

Katanya, pihak UMS akan mengadakan sebuah lagi Majlis Syarahan Perdana Profesor pada hujung tahun dalam bidang Sains Marin.